



Budaya Membaca dan Hubungannya dengan Ekonomi

Budaya membaca merupakan jalan keluar daripada kemiskinan, bukan sahaja kepada individu, tetapi juga kepada seluruh negara. Pewujudan budaya membaca yang meluas dalam masyarakat menjadi pencetus kepada usaha atau gerakan yang terbukti berjaya mengeluarkan banyak negara

miskin menjadi negara yang membangun dan seterusnya menjadi negara maju. Manfaat membaca bukan sahaja penting untuk meningkatkan pengetahuan, meluaskan peluang dan mengembangkan pertumbuhan individu sebaliknya turut menjadi kunci kepada pembangunan keseluruhan negara.

Budaya Membaca dan Pembangunan Negara

Amat sukar bagi sesebuah negara untuk membangun secara mampan tanpa pemupukan budaya membaca yang menyeluruh dalam kalangan masyarakat. Masyarakat yang tidak membaca pasti akan terus terkunci dan berada dalam keadaan mundur. Menurut William Gumede, seorang profesor dari University of the Witwatersand, Johannesburg, Afrika Selatan dalam tulisannya yang berjudul "Why Reading is Crucial for Economic Growth" yang tersiar dalam laman web rasmi universiti tersebut pada 28 November 2020, fakta inilah yang selalunya gagal difahami oleh pembuat dasar di kebanyakan negara Afrika dan negara membangun.

Bahkan fakta ini juga gagal difahami oleh kelompok pelajar di institusi pengajian tinggi yang sepatutnya menjadi teladan dalam mengembangkan budaya membaca dan memimpin gelombang keintelektualan dalam kalangan masyarakat. Sebagai contoh, protes yang dianjurkan oleh pelajar universiti

di Afrika Selatan tentang ketidakpuasan hati dengan yuran yang dikenakan oleh universiti tidak sepatutnya berakhir dengan aktiviti merosakkan perpustakaan. Begitu juga dengan tindakan yang diambil oleh masyarakat dengan membakar perpustakaan kerana tidak berpuas hati dengan layanan perkhidmatan awam. Perbuatan tidak bertamadun ini tidak sepatutnya berlaku seandainya pemerintah dan rakyat tahu meletakkan kedudukan buku dan bacaan yang sepatutnya menjadi teras kepada pembangunan individu, masyarakat dan negara.

Gumede memberikan contoh negara yang mengalami perkembangan dramatik tentang budaya membaca dalam kalangan rakyat Korea Selatan, Singapura dan Taiwan sehingga negara tersebut berubah status menjadi negara maju. Sebaliknya perkara itu tidak berlaku di kebanyakan negara di Afrika termasuklah Afrika Selatan kerana pihak pemerintah sendiri kurang membaca. Hasilnya kerajaan mengalami kemiskinan idea dalam membina dasar, kekeringan imaginasi untuk merangka strategi dan tidak dapat meletakkan sesuatu kedudukan di tempat yang betul kerana kurang pengetahuan.

Tambah Gumede, perkara itu terjadi kerana membaca tidak dilihat sebagai satu kebaikan dalam masyarakat kesan daripada stigma sosial yang telah lama melekat dalam jiwa mereka. Oleh sebab itu, budaya membaca perlu dipupuk dalam kalangan orang dewasa agar generasi muda juga terdorong untuk ikut membaca. Kanak-kanak lebih cenderung membaca jika terdapat buku di sekeliling mereka seperti rumah, sekolah dan ruang yang kerap mereka kunjungi.

Antara usaha yang boleh dilakukan untuk memupuk minat membaca dalam kalangan kanak-kanak termasuklah mereka perlu didedahkan dengan amalan membaca dalam situasi harian

seperti semasa ibu bapa membeli-belah. Mereka harus digalakkan membaca label runcit, ramuan dan papan tanda jalan. Budaya membaca tidak seharusnya diamalkan sekadar untuk lulus ujian, sebaliknya perlu dijadikan sebahagian daripada aspek kurikulum pada peringkat persekolahan. Menurut Gumede lagi, perpustakaan sekolah sepatutnya menjadi pusat kehidupan kepada kanak-kanak. Perpustakaan sekolah harus beradaptasi dengan perubahan masa dan teknologi dengan menjadikannya lebih interaktif, menggabungkan konsep bacaan secara talian dan tradisional serta menjemput penulis untuk berkomunikasi dengan kanak-kanak. Fungsi perpustakaan komuniti juga perlu diperkasakan kerana perpustakaan komuniti boleh menjadi pusat sumber sehenti kepada golongan remaja dan belia untuk belajar, mengakses sumber dalam talian dan mendapatkan bahan bacaan sebagai bahan rujukan.

Terdapat beberapa contoh lain yang diberikan oleh Gumede untuk menggerakkan budaya membaca dalam kalangan masyarakat. Hal ini termasuklah dengan mengumpulkan sukarelawan dan pertubuhan bukan kerajaan bagi mengetuai kempen nasional untuk mendapatkan bahan bacaan dan sumber teknologi agar dapat dimanfaatkan oleh masyarakat. Aktiviti pembacaan perlu diadakan lebih kerap di tempat yang terbuka atau melalui media awam seperti di radio.

Selain itu, penggunaan teknologi digital seperti penstriman boleh dimanfaatkan untuk memupuk budaya membaca dengan mengadakan program bacaan penstriman secara berkala. Dengan cara ini, negara dapat dikeluarkan daripada kemiskinan, pengangguran dan kerosakan sosial. Sebenarnya, terdapat kajian khas yang dijalankan oleh International Association for

the Evaluation of Educational Achievement (IEA) bagi mengukur pencapaian literasi membaca dalam kalangan kanak-kanak. Kajian yang dikenali dengan nama Kemajuan dalam Kajian Literasi Membaca Antarabangsa (PIRLS) ini diadakan setiap lima tahun sekali. Hasil dapatan kajian itu juga digunakan untuk mengumpul maklumat dan menyediakan garis asas kajian pada masa hadapan tentang pengalaman membaca dan hala tuju pencapaian.

Kajian PIRLS yang terkini telah dijalankan pada tahun 2017 melibatkan bandar utama di 50 buah negara di seluruh dunia. Hasil kajian mendapati bahawa kanak-kanak gred empat di negara Rusia mengatasi rakan sebaya antarabangsa mereka dalam pencapaian membaca. Dapatan itu berdasarkan prestasi membaca murid yang mengambil bahagian di kota Moscow jauh lebih baik daripada bandar lain seperti Madrid, Quebec dan Dubai. Menurut Pengarah Negara Bank Dunia dan Wakil Residen di Rusia, Andras Horvai keputusan itu sebenarnya memberikan prognosis yang kukuh untuk kemakmuran jangka panjang Rusia kerana generasi muda di negara itu telah pun mempunyai asas pembangunan intelektual yang baik sebelum mereka memasuki alam pekerjaan.

Mengapakah prestasi membaca dalam gred empat dikaitkan dengan daya saing antarabangsa? Jawapannya adalah mudah, iaitu membaca merupakan kemahiran asas yang membolehkan pengetahuan diperoleh dan konteks dibina. Membaca membolehkan kanak-kanak mengembangkan perspektif dan empati terhadap watak dalam sesebuah cerita. Dalam kajian tersebut, kisah "Flowers on the Roof" telah dijadikan bahan utama yang digunakan sebagai penilaian. Kanak-kanak yang terlibat dalam kajian tersebut bukan sahaja perlu membaca dan

mengikuti fakta yang digariskan dalam cerita, tetapi juga perlu mempunyai keupayaan untuk mentafsir dan menyepadukan idea serta membuat kesimpulan tentang kemungkinan yang berlaku kepada watak dalam cerita. Kanak-kanak yang suka membaca pasti akan mendapati tugas yang dipertanggungjawabkan itu sebagai sesuatu yang mudah untuk dilaksanakan. Kanak-kanak yang tidak dibiasakan dengan tabiat membaca tentunya menghadapi kesukaran untuk menyiapkan tugas yang diberikan.

Menurut Horvai, kajian ini sangat penting kerana dapat memberi petunjuk tentang keupayaan awal kanak-kanak dalam memahami realiti. Lazimnya, individu yang mempunyai keupayaan untuk berfikir dengan baik akan dapat menterjemahkan pemikiran tersebut terhadap prestasi akademik yang lebih baik sehingga berjaya memasuki pengajian peringkat pendidikan tinggi. Keupayaan ini juga sering

Kanak-kanak yang tidak dibiasakan dengan tabiat membaca tentunya menghadapi kesukaran untuk menyiapkan tugas yang diberikan.

kali dikaitkan dengan kemahiran kognitif dan bukan kognitif yang unggul di tempat kerja.

Kanak-kanak Rusia menunjukkan prestasi membaca yang lebih baik berbanding tempat lain disebabkan oleh tiga faktor utama yang menyokong aktiviti membaca disuburkan. Faktor pertama ialah persekitaran rumah yang kondusif untuk aktiviti membaca. Faktor kedua ialah budaya membaca telah diterapkan sebagai persediaan sebelum pergi ke sekolah. Faktor ketiga ialah sumber bahan bacaan yang mencukupi di sekolah. Kanak-kanak di Rusia telah diterapkan dengan budaya membaca dan mengukuhkan kemahiran bahasa sebelum mereka memasuki alam persekolahan rendah. Selain itu, keputusan PIRLS yang menunjukkan tahap pencapaian bacaan yang tinggi merentas keseluruhan kawasan memberikan petanda yang sangat baik untuk masa hadapan masyarakat. Hal ini demikian kerana terdapat kesan bukan linear yang positif yang terbentuk hasil daripada pengelompokan ramai pembaca. Dengan erti kata lain, seseorang itu akan terdorong untuk membaca apabila dikelilingi oleh komuniti yang membaca.

Pada tahun yang sama juga, Kad Laporan Kebangsaan di Amerika Syarikat menunjukkan hanya 36% daripada pelajar grad empat di negara Amerika Syarikat berada pada tahap yang mahir membaca atau lebih tinggi tinggi daripada itu. Peratusan yang rendah ini bagaimanapun bukanlah menunjukkan ramai kanak-kanak mengalami buta huruf, sebaliknya kesan kesinambungan persekitaran mereka yang dibesarkan dalam suasana yang tidak mengutamakan aktiviti membaca. Satu daripada faktornya ialah ibu bapa mereka buta huruf. Oleh itu, kanak-kanak tersebut tidak mendapat pendedahan yang sewajarnya tentang aktiviti





membaca malah mungkin tidak mempunyai buku di rumah mereka.

Menurut tulisan Jeniffer Van Pelt bertajuk "What is the Connection between Literacy and Economic Development?" yang tersiar dalam Words Alive! pada 22 Februari 2018, satu daripada cara yang paling jelas untuk menerangkan kadar celik huruf mempengaruhi ekonomi seluruh komuniti adalah dengan melihat korelasi antara kadar celik huruf dengan banduan penjara. Hasil dapatan menunjukkan tiga daripada lima banduan di penjara Amerika Syarikat tidak boleh membaca. Buta huruf menjadi faktor utama berlakunya peningkatan jenayah kerana berkaitan rapat dengan status kehidupan seperti kesukaran untuk mendapat pekerjaan dan aktiviti pengurusan kewangan.

Kesihatan juga terbukti dipengaruhi oleh kadar celik huruf. Terdapat beberapa kajian yang menunjukkan korelasi antara komuniti yang mempunyai kadar celik huruf yang tinggi dengan kadar kematian bayi yang lebih rendah. Hal ini demikian kerana orang dewasa yang celik huruf memiliki keupayaan dan pengetahuan untuk mendapatkan rawatan

perubatan bagi diri sendiri dan keluarga mereka. Pada masa yang sama, tahap kesedaran untuk menjaga kesihatan bertambah dan kerap melakukan aktiviti penjagaan kesihatan. Dengan itu, kos rawatan menjadi rendah berbanding dengan rawatan kecemasan yang biasanya melibatkan kos yang tinggi.

Kajian yang dijalankan oleh Betty Hart dan Todd Risley juga mempunyai dapatan menarik, iaitu terdapat jurang yang besar antara kanak-kanak dalam keluarga berpendapatan rendah dengan kanak-kanak daripada keluarga berpendapatan tinggi dari sudut perbendaharaan kata. Laporan itu menggariskan penemuan mereka bahawa purata kanak-kanak dalam keluarga berpendapatan tinggi mendengar hampir 45 juta perkataan sewaktu usia mereka empat tahun berbanding dengan hanya 13 juta perkataan yang didengari oleh seorang kanak-kanak biasa yang tinggal dalam keluarga berpendapatan rendah. Dapatan ini menunjukkan bahawa taraf hidup khususnya keupayaan ekonomi seseorang memberi kesan terhadap kadar celik huruf.

Terdapat risiko besar yang lain yang bakal dihadapi oleh

golongan yang mempunyai kadar celik huruf yang rendah. Hal itu akan menyukarkan mereka untuk mendapatkan pekerjaan yang baik kerana sukar bersaing dalam pasaran kerja. Keadaan ini akan membataskan mobiliti pekerjaan mereka dan memberikan impak negatif terhadap kehidupan mereka. Kesannya, mereka tidak mempunyai banyak pilihan dan tidak mustahil boleh terjebak dalam jenayah kerana beranggapan jalan itu lebih mudah untuk memperolehi wang dan makanan.

Justeru, hakikat bahawa budaya membaca mampu mempengaruhi pertumbuhan ekonomi sesebuah masyarakat dan negara bukanlah pernyataan semata-mata. Kajian yang dijalankan menjadi bukti bahawa kemahiran literasi membaca merupakan satu daripada penyumbang terhadap kemajuan sesebuah negara. Budaya ini perlu diterapkan seawal usia kanak-kanak demi menjamin generasi pewaris negara terdiri daripada golongan yang berilmu, pengetahuan dan berintelektual tinggi demi memimpin negara keluar dari kepompong kemunduran dan kemiskinan.